

## **CONCEPTS AND IMPLEMENTATION OF TALAAQI AND MUSYAFAHAH METHODS IN LEARNING THE QURAN**

**(KONSEP DAN PELAKSANAAN KAEDAH TALAAQI DAN MUSYAFAHAH DALAM PEMBELAJARAN AL-QURAN)**

Nurul Huda binti Zainal Abidin<sup>1</sup>, Najmiah binti Omar<sup>2</sup>, Nor Hafizi bin Yusof<sup>3</sup>

### **Abstract**

Talaqqi musyafahah is a method of studying the Quran face to face where the delivery and teaching method is directly from a teacher to a student. It is a method inherited by the Prophet s.a.w from Gabriel a.s and subsequently implemented by Rasulullah s.a.w to the companions. The companions continued this pedagogy until it is inherited as a learning system of the Quran until today. The development of the educational system has featured various Quranic learning systems, including distance learning, as well as through the internet which is just a virtual learning via video in a unidirectional approach or written basis. This modern method has raised the question of how far it meets the talaqqi musyafahah system taught by the Prophet s.a.w. This study is aimed at explaining the true concept and importance of *talaqqi musyafahah* as well as the method of implementation in the study of the Quran. This qualitative study selected descriptive methods by collecting and analyzing the opinions of the early and current scholars through books, journals, and authoritative websites with respect to the topic of debate. The study found that *talaqqi musyafahah* is very important in the process of teaching the Quran because there are several words in the Quran that have different pronunciation compared to their written forms such as the word (فَمْ) in al-Dzariyat: 47. Also, there is a special method in Imam Hafs recitation technique such as reciting the word (مَجْرَاهَا) <sup>ثَلَمَنَا</sup>, isymam or roum for the word (سِسْ) in Yusuf: 11, and *tashil baina baina* recitation for the word (سِسْ) in Fussilat: 44, which cannot be learned by only referring to their writings in the mushaf and any books of tajwid. It requires *talaqqi* and *musyafahah* from a qualified teacher. It is also important to realize the continuity of sanad which is one of the components in reciting the Quran. In conclusion, any methods of learning the Quran must conform to the talaqqi and musyafahah methods taught by Rasuluullah s.a.w.

**Keywords:** Talaqqi musyafahah, recitation technique, learning of Quran

### **Abstrak**

Talaqqi musyafahah merupakan kaedah mempelajari al-Quran secara mulut ke mulut iaitu penyampaian atau pengajaran terus daripada mulut seorang guru kepada mulut seorang pelajar. Ia merupakan kaedah pembelajaran al-Quran yang diwarisi oleh

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, [nfizda@gmail.com](mailto:nfizda@gmail.com).

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, [najmiah@unisza.edu.my](mailto:najmiah@unisza.edu.my).

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, [nhafizi@unisza.edu.my](mailto:nhafizi@unisza.edu.my).

Rasulullah s.a.w daripada Malaikat Jibril a.s seterusnya diimplimentasikan oleh Rasulullah s.a.w terhadap para sahabat r.a. Para sahabat pula meneruskan pedagogi ini sehingga ianya diwarisi sebagai satu sistem pembelajaran al-Quran sehingga hari ini. Perkembangan sistem pendidikan telah menampilkan pelbagai sistem pengajian al-Quran, termasuk pembelajaran secara jarak jauh, dan juga melalui internet yang hanya berbentuk pembelajaran alam maya atau hanya melalui video secara sehala atau penulisan sahaja. Kaedah-kaedah moden ini menimbulkan persoalan sejauhmana ianya menepati sistem talaqqi musyafahah yang diajar oleh baginda rasulullah s.a.w. Kajian ini bertujuan menjelaskan konsep sebenar dan kepentingan talaqqi musyafahah serta kaedah pelaksanaannya dalam pembelajaran al-Quran. Kajian kualitatif ini memilih metode deskriptif dengan mengumpul dan menganalisa pendapat para ulama dahulu dan terkini melalui kitab-kitab, jurnal-jurnal serta laman web-laman web yang berautoriti berkaitan tajuk perbahasan. Kajian mendapati talaqqi musyafahah sangat penting dalam proses pengajaran al-Quran kerana terdapat beberapa kalimah al-Quran yang tidak sama sebutannya sebagaimana penulisannya seperti kalimah (فَمَ) surah al-Dzariyat :47 kaedah khusus bacaan Imam Hafs seperti bacaan imalah pada kalimah (مَجْرَاهَا) isymam atau roum pada kalimah (تَمَنَّا) Surah Yusuf:11 dan bacaan secara tashil baina baina pada (سِجْ) Surah Fussilat:44 yang tidak dapat dipelajari cara bacannya melalui penulisan mushaf dan bacaan kitab-kitab tajwid melainkan memerlukan kepada talaqqi dan musyafahah daripada guru. Ia juga penting bagi merealisasikan kesinambungan sanad yang merupakan salah satu daripada rukum bacaan al-Quran. Kesimpulannya apa jua kaedah pembelajaran al-Quran yang digunakan mestilah menepati salah satu dari jenis-jenis talaqqi dan musyafahah yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w dalam pembelajaran al-Quran.

**Katakunci:** Talaqqi musyafahah, metod qiraat, pembelajaran al-Quran.

## PENGENALAN

Istilah *talaqqi* berasal dari bahasa arab (لِقْيٰ) yang bermaksud berjumpa (Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1990: 225) manakala *musyafahah* pula berasal dari (شُفَّةٌ) bermaksud dari mulut ke mulut. (Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1990: 323) Gabungan dua perkataan ini bermaksud mempelajari al-Quran secara mulut ke mulut iaitu daripada mulut seorang guru kepada mulut seorang anak murid. Dengan kata lain istilah yang digunakan pada masa kini ialitu mempelajari al-Quran secara *face to face*, *one to one* bersama seorang guru yang mahir. Di dalam al-Quran Allah s.w.t telah merakamkan bahawa kaedah sebenar pembelajaran al-Quran oleh baginda Rasulullah SAW ialah *bertalaqqi* dengan malaikat Jibril a.s sepertimana firmanNya yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya kamu benar-benar diberi al-Quran dari sisi Allah s.w.t yang Maha Bijaksana lagi Maha mengetahui.

Seterusnya kaedah ini diimplimentasikan oleh Rasulullah s.a.w terhadap para sahabat r.a. Para sahabat pula meneruskan pedagogi ini sehingga ianya diwarisi sebagai satu sistem pembelajaran oleh para *qurra* serta madrasah-madrasah pengajian al-Quran terdahulu. Perkara ini dinaqalkan oleh al-Imam Ibn al-Jazari daripada kata-kata Zaid bin Thabit dalam kitabnya *Munjid al-Muqrin* dengan kata-katanya (Muhammad bin Muhammad al-Jazari, :20):

*“Bacaan al-Quran merupakan sunnah (ikutan) yang diterima secara talaqqi oleh seseorang yang terkemudian daripada orang yang terdahulu.”*

Justeru itu, ia tidak menerima ijihad manusia dan kaedah qiyas dan disiplin ini berterusan sehingga ia menjadi suatu ketetapan dalam pembelajaran ilmu al-Quran.

## KONSEP TALAQQI DAN MUSYAFAHAH

### Definisi Talaqqi

*Talaqqi berasal daripada* (لقاء) yang bermaksud berjumpa (Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1990: 225) iaitu perjumpaan antara murid dengan guru secara bersemuka. Ia juga bermaksud mempelajari al-Quran terus dari sebutan guru yang bersambung periwayatannya dengan Rasulullah s.a.w. Menurut Abd al-Salam Muqbil (2000), perkataan al-talaqqi di ambil daripada perkataan *اللقاء* yang bermaksud melemparkan atau menyampaikan samada dengan lisan atau dengan tangan atau selainnya.

Dari segi istilah pula talaqqi bermaksud suatu manhaj pembelajaran yang diletakkan syara' dalam pengajaran lafaz-lafaz al-Quran dengan guru membaca ayat-ayat al-Quran dan para pelajar menerima menerimanya melalui pendengaran dan Melaksanakannya secara praktikal berdasarkan pengamatan guru. Justeru ia merupakan penyempurnaan bagi proses al-talqin kerana al-talqin penyampaian daripada guru dan al-talaqqi penerimaan daripada pelajar. Sehubungan itu dalam proses talaqqi terdapat tiga rukun (Abd al-Salam Muqbil al-Majidi, 2000 : 11) iaitu:

- i.      المتنقي iaitu pelajar
- ii.     الملقى iaitu guru
- iii.    الملقى iaitu ilmu atau al-Quran

### Konsep Talaqqi

Para *Qurra'* telah bersepakat bahawa al-Quran merupakan sunnah *muttabaah* (sunnah yang diikuti) yang diwarisi oleh golongan yang terkemudian daripada

golongan yang terdahulu dengan sanad yang bersambung kepada Rasulullah s.a.w. Perkara ini jelas di dalam disiplin periwayatan dan bacaan al-Quran sebagaimana amalan para salafussoleh berdasarkan kata-kata kata-kata Umar al-Khattab (Ibn Mujahid 1980: 51) "Bacaan al-Quran merupakan sunnah yang diikuti yang diterima oleh golongan terkemudia daripada golongan terdahulu."

Perkara ini dikuatkan lagi oleh imam al-Qurra' Ibn al-Jazari (T.th: 10) dalam kitabnya al-Nasyr fi al-Qiraat al-Asyr:

"Para Imam Qiraat tidak beramal dengan huruf al-Quran berdasarkan apa yang tersebar dari segi bahasa dan berdasarkan kias dalam Bahasa Arab, tetapi berdasarkan apa yang thabit daripada hadis dan periwayatan yang sah. Sesuatu periwayatan sekiranya thabit daripada mereka tidak memerlukan kepada kaedah kias kepada apa yang masyhur dalam bahasa arab kerana bacaan al-Quran merupakan sunnah yang diikuti, wajib diterima dan beramal dengannya."

Nas di atas menjelaskan konsep-konsep talaqqi al-Quran yang diamalkan oleh para salafussoleh iaitu:

- i. Pembelajaran al-Quran merupakan *sunnah muttabaah* iaitu konsep pembacaan guru kepada pelajarnya.
- ii. Pembelajaran al-Quran mesti berteraskan konsep talaqqi daripada guru yang bersambung sanadnya kepada Rasulullah s.a.w
- iii. Wajib menerima bacaan al-Quran yang sah sanadnya sampai kepada Rasulullah s.a.w
- iv. Bacan al-Quran yang thabit melaui periwayatan yang mutawatir lebih diutamakan walaupun ianya tidak menepati kaedah bahasa arab yang masyhur.

### **Jenis-Jenis Talaqqi**

Dr Ahmad bin Faris al-Salum (2016: 151-152) membahagikan cara-cara bertalaqqi dalam kalangan para Qurra' terbahagi kepada 5 jenis iaitu:

- i. *Al-Talqin* (التلقين)
 

laitu guru membaca kepada pelajar ayat-ayat al-Quran dengan bacaan yang sah sebagaimana pada peringkat asas pendidikan kanak-kanak. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling baik kerana ia merupakan cara pembelajaran yang diamalkan oleh golongan salaf dari kalangan sahabat dan tabi'in sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Abbas (Ibn Kathir , 1416H: 211-212):

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْلَمُنَا التَّشَهِدُ، كَمَا يَعْلَمُنَا السُّورَةُ مِنَ الْقُرْآنِ

ii. *Al-'Ard* (العرض)

*Al-'Ard* bermaksud pelajar membaca dihadapan guru sepetimana amalan kebanyakan para *Qurra'*. Kaedah ini biasanya dilakukan selepas pelajar berjaya menghafaz ayat-ayat yang *ditalaqqi* daripada guru. Kaedah membaca dihadapan guru ini merupakan kaedah yang dipraktikkan oleh golongan salaf dan khalaf.

iii. *Al-Sima'* (السماع)

Kaedah ini bermaksud guru memperdengarkan bacaan beliau kepada murid atau dipanggil bacaan contoh daripada guru. Kaedah ini dianggap oleh kebanyakan ulama' sebagai tidak memadai walaupun ianya diamalkan oleh sebahagian para *mutaqaddimin*. Sebahagian para sahabat juga mempraktikkan kaedah ini dalam pembelajaran al-Quran. Ia tidak menimbulkan masalah kerana keadaan lidah mereka yang fasohah dan memudahkan mereka untuk mengikuti bacaan guru dengan tepat walaupun tanpa memperdengarkannya dihadapan guru tersebut. Antara Imam Qiraat yang dikhabarkan mengamalkan kaedah ini ialah Imam Kisaiie. Ibnu Mujahid menyatakan bahawa orang ramai mengambil bacaan dari imam Kisaiie dengan mendengar bacaan beliau dan menandakannya pada mushaf-mushaf mereka (Ahmad Mahmud Abd al-Sami', 2002: 8).

iv. *Riwayat al-Huruf* (رواية الحروف)

Kaedah ini sangat jarang berlaku dalam pembelajaran al-Quran dan kebanyakan kitab-kitab ulum al-Quran tidak menyebut kaedah ini sebagai salah satu cara *talaqqi* al-Quran dalam kalangan *qurra'*. Pelaksanaannya ialah pelajar mempelajari cara bacaan al-Quran dengan seseorang guru melalui periyawatan sahaja tanpa membaca dengan beliau. Kaedah ini biasanya berlaku ketika bertalaqqi sesebuah kitab yang meriwayatkan cara atau wajah bacaan al-Quran atau bacaan qiraat seseorang Imam.

v. *Ijazah Mujarradah* (إجازة المجردة)

Kaedah ini bermaksud guru memberi ijazah atau pengiktirafan kepada pelajar terhadap bacaan beliau. Umpamanya beliau berkata: “*Aku ijazahkan kamu dengan bacaan al-Quran ini*”. Namun kaedah ini memerlukan 2 syarat bagi mengharuskannya iaitu:

- a. Guru membacakan kepada pelajar al-Quran dan beliau mendapati pelajar tersebut seorang yang cerdas mampu memahami dan membaca dengan baik maka diijazahkan riwayat daripadanya.
- b. Guru mendapati pelajar tersebut cerdas dan baik bacaannya , lalu beliau menguji bacaannya dan menganugerahkannya ijazah.

## **DEFINISI DAN KONSEP MUSYAFAHAH**

Musyafahah bermaksud sebutan daripada mulut ke mulut yang diambil dari pergerakan dua bibir dan pada istilah bermaksud murid menerima pengajaran melalui sebutan guru, melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya mengikut guru. Talaqqi Musyafahah bermaksud pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka di dalam satu pertemuan pada satu masa tertentu di mana murid menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru atau guru mendengar bacaan murid dan membetulkan kesalahan mereka (Nik Ja'far bin Nik Ismail, 2004: 157). Di dalam musyafahah terdapat dua cara yang lazim digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran membaca al-Quran. Pertama adalah dengan cara guru membacakan ayat di hadapan murid dan didengari murid sahaja. Manakala cara kedua pula, murid membaca di hadapan guru dan guru hanya menyemak serta membetulkan mana-mana bacaan yang salah.

## **KEPENTINGAN TALAQQI MUSYAFAHAH**

Talaqqi musyafahah sangat penting dalam proses pengajaran al-Quran kerana terdapat beberapa kalimah al-Quran yang tidak sama sebutannya sebagaimana penulisannya seperti kalimah (أَوْ لَاذْبَحَنَهْ) surah an-Naml :21 dan al-Zaariyat ayat 27. Begitu juga kaedah khusus bacaan Imam Hafs seperti bacaan imalah pada kalimah (مُجْرَاهَا) isymam atau roum pada kalimah (تَمْنَأْ) Surah Yusuf:11 dan tashil pada kalimah (ءَاعْجَمِي) Surah Fussilat:44 yang tidak dapat dipelajari cara bacannya melalui penulisan mushaf dan bacaan kitab-kitab tajwid melainkan memerlukan kepada talaqqi dan musyafahah daripada guru.

Kepentingan ini juga kerana talaqqi merupakan amalan Rasulullah s.a.w dan dengan mengamalkan sunnah ini ia merealisasikan kesinambungan sanad (Muhammad al-Dusuki Amin, 2012 : 19) yang merupakan salah satu daripada rukum bacaan al-Quran iaitu sah sanad, menepati Rasm Uthmani dan menepati salah satu daripada wajah-wajah bahasa arab sebagaimana kata-kata Imam Ibnu Jazari (al-Jazari 1994: 32):

“Setiap apa yang menepati kaedah tatabahasa arab dan menepati rasm Uthmani walaupun secara ihtimal serta sah sanadnya maka itulah yang dinamakan al-Quran dan inilah tiga rukun jikalau cacat atau hilang satu rukun maka dikira sebagai walaupun sekiranya bacaan tersebut daripada qiraat imam yang tujuh.”

## KONSEP PELAKSANAAN TALAAQI AL-QURAN

Kaedah pembelajaran al-Quran melalui *talaqqi musyafahah* merupakan kaedah yang diwarisi daripada baginda Nabi s.a.w. Diriwayatkan bahawasanya Nabi s.a.w bertalaqqi al-Quran bersama malaikat Jibril a.s sekali setahun iaitu pada bulan Ramadan dan pada tahun kewafatannya, baginda s.a.w bertalaqqi sebanyak dua kali.

Dalam kaedah talaqqi musyafahah, murid yang mempelajari al-Quran mesti berhadapan secara langsung kepada gurunya. Hal ini kerana, setiap guru al-Quran atau salasilah guru al-Quran sanadnya adalah bersumberkan daripada Rasulullah s.a.w. Di sinilah terletaknya kepentingan berguru di dalam membaca al-Quran secara talaqqi musyafahah iaitu langsung dari mulut ke mulut dengan bersemuka secara langsung sebagaimana diamalkan sejak zaman kerasulan nabi Muhammad s.a.w. Ia menepati firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran :

“Janganlah engkau (wahai Muhammad) menggerakkan lidahmu membacanya kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, Sesungguhnya Kamilah yang mengumpulkan al-Quran itu, dan menetapkan bacaannya. Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya, maka bacalah menurut bacaannya itu”.

(Surah al-Qiyamah:16-18)

### Asas Pelaksanaan al-Talaqqi

Kaedah dan pelaksanaan al-Talaqqi dan al-Talqin (Abd al-Salam Muqbil al-Majidi, 2000 : 137) adalah seperti berikut:

- i. Bacaan guru ke atas pelajar sebagaimana yang dilakukan oleh malaikat Jibril a.s ke atas nabi s.a.w.
- ii. Pelajar diam, mendengar dan memahami bacaan guru
- iii. Pelajar mengulangi dengan tepat ayat-ayat yang dibacakan oleh guru
- vi. Bacaan pelajar dengan menggerakkan kedua-dua bibir mulut iaitu bacaan secara jahr (kuat).

## KESIMPULAN

Talaqqi dan musyafahah merupakan satu disiplin pembelajaran al-Quran yang diwarisi oleh Rasulullah s.a.w daripada malaikat Jibril a.s dan dipraktikkan kepada para sahabat baginda. Seterusnya disiplin pembelajaran ini diamalkan dan diakui oleh para salafussoleh sebagai cara terbaik dalam pembelajaran al-Quran. Kaedah ini penting bagi merealisasikan kesinambungan sanad bacaan al-Quran yang bersambung kepada Rasulullah s.a.w serta memastikan kesasihan bacaan yang diwarisi daripada baginda. Walaupun berlaku perubahan masa dan teknologi pembelajaran al-Quran, kaedah pembelajaran melalui talaqqi dan musyafahah ini tetap diakui sebagai asas dalam pembelajaran al-Quran disamping kaedah-kaedah terkini seperti kaedah al-Baghdadi, al-Tikrar, halaqah serta pembelajaran melalui media masa dan internet.

## RUJUKAN:

Abd al-Salam Muqbil al-Majidi, 2000. *Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut : Muassasah al-Risalah.

Ahmad Mahmud Abd al-Sami', 2002, *Qiraat al-Kisacie min al-Qiraat al-Asyr al-Mutawatirah*. Beirut: dar al-kutub al-Ilmiyyah

Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 1994 . *Thayyibah An-Nasyr*

Dr Ahmad bin Faris al-Salum. *Manhaj al-Mustasyriqin fi Ithbat al-Nas al-Qurani Ard wa Naqd*. Kertas kerja dalam Muktamar al-Ishtishraq Ma lahu wa Ma Alaih. Jamiah al-Qasim pada: 14-16 Disember 2016

Haji Nik Ja'far bin Nik Ismail (2004). *Buku Qawaид Tarannum: Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ibn al-Jazari. T.th. *al-Nasyr fi al-Qiraat al-Asyr*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Ibn Kathir Ismail bin Umar (1416H) *Fadhal al-Quran*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah

Ibn Mujahid, 1980. *Abi Bakr bin Ahmad, t.th. al-Sab'ah fi al-Qiraat*. Kaherah: Dar al-Maarif

Ishak Abbas. 1985. *Memahami Tajwid dan Tartil al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Jamaludin Ridhuan. 2000. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

Manna' Khalil Qattan. T.t. *Mabahis fi Ulum al-Quran*. Maktabah Wahbah : Kaherah.

Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya

Muhammad al-Dusuki Amin, 2012. *al-Nur Wa al-Burhan fi Ahkam Tilawah al-Quran*. Kaherah : Maktabah Aulad al-Sheikh Li al-Turath.